



PENDUDUK Taman Perumahan Sinar Alam, Shah Alam 2, Bandar Puncak Alam, Selangor dipindahkan dengan menggunakan bot selepas kawasan perumahan mereka dilanda banjir, baru-baru ini. -UTUSAN/WAN MAZLAN WAN HARUN



KEADAAN rumah seorang penduduk yang dilanda banjir di Jalan Lautan Samudera, Puncak Alam, Kuala Selangor, Selangor.



SEORANG kanak-kanak melihat banjir yang melanda di Sekolah Agama Rakyat Parit Mahang, Kuala Selangor. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS



SEORANG penduduk menjemur pakaian di hadapan rumahnya yang dilanda banjir di Kampung Parit Mahang, Kuala Selangor.



BEBERAPA kawasan di Puncak Alam Selangor, turut dilanda banjir, baru-baru ini.

Penduduk gesa kerajaan negeri segera cari penyelesaian elak bencana berulang

Banjir terburuk di Kuala Selangor

Oleh **ZULKIFLI SAINUDDIN**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA SELANGOR 2 DIS.**

BENCANA banjir yang melanda lapan kawasan di daerah ini baru-baru ini disifatkan sebagai yang terburuk pernah melanda dalam tempoh lima tahun.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badlisza Mohd. Noor berkata, paras air di kawasan terlibat iaitu Puncak Alam, Parit Mahang, Simpang 3 Jeram, Kam-



pung Bukit Cherakah, Kampung Kuching Hilir, Kampung Bukit Hijau, Ladang Tuan Mee dan Kampung Asahan naik sehingga paras betis mengambil masa hampir dua minggu untuk surut.

Menurutnya, bencana kali ini disifatkan yang paling buruk

kerana menjejaskan beribu-ribu penduduk hingga memaksa lebih 1,111 orang dipindahkan ke pusat pemindahan.

"Majlis Keselamatan Negara turut mengisytiharkan empat kawasan di daerah ini iaitu Kampung Sungai Mahang, Kampung Bukit Kerayong, Kampung Simpang Tiga dan Kampung Ladang Tuan Mee sebagai lokasi bencana tahap satu pada 18 November lalu sebelum ditarik balik pada 28 November lalu.

"Pengisytiharan ini bagi mem-

bolehkan Pusat Kawalan Operasi Bencana Banjir dibuka di Pusat Pemindahan Kampung Parit Mahang.

"Ini memberi laluan kepada agensi keselamatan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia membuka pusat operasi 24 jam di pusat pemindahan itu," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Shamsul Shahril Badlisza yang juga Pengerusi

Bencana Kuala Selangor berkata, sebanyak tujuh pusat pemindahan dibuka untuk menempatkan penduduk yang terjejas.

"Pusat pemindahan terlibat ialah di Sekolah Kebangsaan Parit Mahang, Balai Raya Kampung Bukit Cherakah, Balai Raya Kampung Kuching Hilir, Balai Raya Kampung Bukit Hijau, Ladang Tuan Mee dan Kampung Asuhan.

"Ini juga adalah pembukaan pusat pemindahan paling banyak dan paling lama beroperasi dalam tempoh lima tahun ini," ujarnya.

Beliau memberitahu, antara tindakan yang diambil untuk mengelak banjir berulang adalah dengan menaik taraf sistem perparitan dan kolam takungan.

"Kita akan mendalamkan dan melebarkan parit, mendalamkan kolam takungan air di Puncak Alam serta meninggikan benteng-benteng banjir bagi melancarkan perjalanan air dan mengelak limpahan.

"Kita juga meletakkan sekurang-kurangnya satu pam air di setiap lima kunci air di daerah ini," jelasnya.